

Di bawah PM baru

# RI yakin Malaysia terus maju

KUALA LUMPUR, Jumaat — Indonesia yakin Malaysia akan terus maju di bawah pimpinan Perdana Menteri baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memandangkan pengalamannya yang luas samada dalam bidang pemerintahan mahupun politik.

Menteri Agama Republik itu, Encik Alamsyah Ratu Perwiranegara yang tiba di Lapanganterbang Kuala Lumpur di Subang hari ini berkata, rakyat Malaysia amat bertuah kerana pemerintahan baru Kerajaan jatuh ke tangan orang yang paling sesuai dan tepat.

Menurutnya, pemerintah dan rakyat Indonesia gembira dengan peralihan pemerintahan kepada pemimpin yang benar-benar berpengalaman.

Ini selaras dengan hasrat negara-negara rumpun Melayu yang ingin melihat sebuah negara tetangga aman dan stabil.

## Perutusan

Encik Alamsyah berkata, beliau akan menyampaikan perutusan dari Presiden Suharto kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir dalam kunjungannya esok.

"Saya akan menyampaikannya sendiri perutusan itu," jawab Encik Alamsyah. Beliau adalah menteri asing pertama mengunjungi Perdana Menteri baru.

Dalam lawatan tiga hari ke negara ini, beliau

akan juga menghadiri upacara pembukaan Musabaqah Membaca Al-Quran peringat Antarabangsa di Stadium Merdeka, di sini malam esok.

Mengenai pengunduran Tun Hussein Onn, beliau mensifatkannya sebagai satu kehilangan besar bagi rakyat Malaysia dan juga Indonesia.

Bagaimanapun beliau berkata, kerelaan Tun Hussein Onn meletakkan

jawatan atas sebab-sebab kesihatan haruslah dihormati.

Encik Alamsyah seterusnya menjelaskan, tidak ada perkara yang harus dikhuatirkan, kerana kehilangan sudah terganti.

Beliau juga berharap, di bawah pemerintahan baru kerjasama dalam berbagai bidang antara kedua negara akan terus dijalankan sebagaimana yang telah lepas.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia